

info

usahawan

issue
1/21

nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA





Nor Hafizah Abd Mansor, Ahmad Marzuki Amiruddin Othman &
Musmailina Mustafa Kamal
Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Segamat, Johor.

MEREBUT MANFAAT PERCUKAIAN KE ATAS ASET PERNIAGAAN

Setiap perniagaan memerlukan aset untuk menjalankan operasi perniagaan mereka. Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (edisi 4), aset boleh didefinisikan sebagai wang tunai atau harta benda. Aset merupakan harta milik entiti perniagaan yang diperlukan untuk menjana pendapatan perniagaan. Aset mempunyai jangka hayat yang tertentu dan memerlukan sejumlah wang yang besar untuk mendapatkannya. Pembelian aset perlu diperhalusi agar tidak mendatangkan beban kewangan serta pembaziran sumber pada kemudian hari.

Aset Dari Perspektif Perakaunan Kewangan

Standard Perakaunan MFRS116 menggunakan istilah 'harta, loji dan peralatan' mewakili maksud aset. Aset ini juga boleh dikelaskan kepada 'Aset Tetap' yang dimiliki lebih setahun dan 'Aset Semasa' yang dimiliki kurang setahun. Oleh kerana matlamat utama aset digunakan bagi penjana pulangan perniagaan untuk jangka masa yang panjang, aset tersebut tertakluk kepada pengiraan susut nilai.

Aset Dari Perspektif Percukaian

Public Ruling 6/2015 mendefinisikan aset sebagai "plant and machinery used for the purposes of a business and on which qualifying expenditure has been incurred".

Ianya tertumpu kepada loji dan jentera serta perbelanjaan yang layak ke atas aset – aset tersebut, seperti pembelian mesin berat serta pengubahsuaian.

Layanan Aset Dari Perspektif Perakaunan Kewangan

Nilai aset boleh dilihat secara jelas di Penyata Kedudukan Kewangan manakala Susut Nilai tahun semasa dipaparkan di Penyata Untung Atau Rugi.

Layanan Aset Dari Perspektif Percukaian

Dari perspektif percukaian, susut nilai yang dikira di Penyata Untung atau Rugi tidak diiktiraf sebagai pengurangan, maka ianya harus ditambah semula. Ini menyebabkan pendapatan terlaras sesebuah perniagaan bertambah, yang memungkinkan penambahan cukai.

Merebut Manfaat Percukaian

Usahawan mempunyai insentif untuk mengurangkan cukai yang perlu dibayar melalui aset perniagaan dari perspektif percukaian dengan peruntukan Elaun Modal (Capital Allowance). Elaun Modal ini dapat mengurangkan pendapatan berkanun sesebuah perniagaan yang menyebabkan pengurangan cukai kena bayar tahun tersebut. Ini merupakan manfaat yang baik kepada perniagaan. Untuk mendapat

kelayakan pengurangan cukai, Elaun Modal hanya boleh dikira ke atas perbelanjaan Modal Layak sahaja, merangkumi harga aset, kos pemasangan aset serta kos penyediaan tapak untuk menempatkan aset. Semakin besar perbelanjaan terhadap aset, semakin banyak Elaun Modal boleh dituntut dan kesannya, semakin kurang cukai kena bayar bagi perniagaan tersebut. Perniagaan juga harus peka bahawa lebih Modal Layak boleh dibawa ke tahun berikutnya untuk dituntut. Kelemahan usahawan dalam memahami perbelanjaan Modal Layak pasti merugikan perniagaan mereka. Keistimewaan Elaun Modal berbanding Susut Nilai adalah kerana ia mempunyai dua kadar bagi tahun pertama yang dikenali sebagai Elaun Permulaan (Initial Allowance) dan Elaun Tahunan (Annual Allowance). Kadar kedua - dua elaun ini adalah berbeza. Elaun Tahunan akan terus dituntut sehingga tuntutan pengurangan cukai dibuat sepenuhnya.

Semakin banyak aset sesuatu perniagaan, maka semakin banyaklah perbelanjaan Elaun Modal boleh dituntut dalam mengurangkan cukai kena bayar. Tidak dapat dinafikan bahawa aset penting bagi penjana pulangan kepada perniagaan. Namun, perniagaan juga harus bijak merebut manfaat hasil pemilikan aset tersebut dari perspektif percukaian.

